

17/08/2002

Tiga pelajar UiTM menang reka astaka

Mohd Azrone Sarabatin

FAKULTI Seni Bina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi Mara (UiTM) meneruskan tradisi kecemerlangannya apabila sekali lagi memenangi pertandingan mencipta model reka bentuk astaka Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa enam tahun berturut-turut.

Pelajar universiti itu mula memenangi pertandingan anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) itu sejak 1997 dan mengekalkan kejayaan itu untuk kali keenam tahun ini.

Astaka bagi Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang dijadualkan pada 26 hingga 31 Oktober ini akan dibina berdasarkan reka bentuk model astaka ciptaan pelajar terbabit.

Tahun ini, reka bentuk model astaka yang memenangi pertandingan itu adalah hasil ciptaan tiga pelajar semester tiga Diploma Seni Bina iaitu Mohd Shamsul Baharin Mohd Hoesni, Syahrim Naim Ibrahim dan Norhasni Mohd Kasim.

Dengan kemenangan itu, mereka menerima hadiah wang tunai berjumlah RM3,000 dan sijil penyertaan.

Dekan fakulti itu, Prof Madya Dr Mohamad Awang, berkata rahsia kejayaan mereka ialah pelajar dan pensyarah sentiasa digalakkan agar menghasilkan projek dan produk yang boleh membawa kejayaan kepada universiti dan negara.

Sebagai contoh, katanya pensyarah akan sentiasa memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada pelajar yang menyertai pertandingan, antaranya menghasilkan reka bentuk astaka untuk tilawah al-Quran. Selain hasil kreativiti pelajar, sumbangan pensyarah juga amat penting.

Beliau berkata, pelajar universiti itu juga sentiasa diminta menjiwai kualiti bagi memastikan mereka menghasilkan produk bermutu, bukannya dihasilkan secara sambil lewa atau diistilahkan 'cukup makan'.

"Rahsia kejayaan kami ialah pelajar dan pensyarah sentiasa bekerjasama dan pada masa sama mereka dididik agar sentiasa menjiwai budaya hidup berkualiti," katanya ketika ditemui di fakulti itu di Shah Alam, Selangor, semalam.

Pertandingan mencipta reka bentuk astaka untuk tilawah al-Quran terbuka kepada semua organisasi dan individu. Daripada lima model yang layak ke pertandingan akhir, tiga daripadanya adalah hasil ciptaan pelajar UiTM, masing-masing satu daripada UIAM dan JKR.

Tahun ini, 53 model astaka dipertandingkan pada peringkat pusingan awal, manakala pusingan kedua membabitkan 10 astaka. Daripada jumlah itu, hanya lima model dipilih ke pertandingan akhir, dimana pemilihan pemenangnya dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain dinilai dari aspek keindahan reka bentuk, kemampuan ketua pasukan yang bertindak memberi penerangan kepada Perdana Menteri berkaitan reka bentuk model dihasilkan adalah sebahagian daripada aspek penilaian penting.

"Kami meletakkan sasaran memenangi pertandingan ini untuk tempoh satu dekad. Sasaran itu tidak mustahil dapat dicapai sekiranya budaya murni diamalkan sekarang dapat dipertahankan," katanya.

Ditanya mengenai cabaran, katanya ia memang sengit tetapi penyelidikan dan kualiti astaka yang dihasilkan oleh pelajar UiTM membolehkan mereka meneruskan tradisi gemilang dalam pertandingan itu.

Sementara itu, ketua pasukan kumpulan terbabit, Mohd Shamsul Baharin berkata, penghasilan astaka yang mereka cipta berkonsep bijih benih yang

bercambah dari bumi. Idea penghasilannya adalah berasaskan firman Allah dalam Surah Al-An'aam ayat 95.

Katanya, ayat itu bermaksud `Allah SWT membelah bijih benih, memberi hidup kepada yang mati dan memberi mati kepada yang hidup. Ini membuktikan kekuasaan-Nya. Tetapi mengapa kamu mengabaikannya'.

Beliau berkata, konsep itu turut disesuaikan dengan tema tilawah al-Quran tahun ini, iaitu `Bersama menghayati keindahan Islam'.

"Tanpa kerja keras anggota pasukan adalah mustahil kami memenangi pertandingan yang serba mencabar itu. Apatah lagi kami berdepan dengan pasukan hebat. Tetapi berkat kesungguhan dan ketabahan kami berjaya membuat penyelidikan kami berjaya memenanginya.

"Malah, model reka bentuk yang kami pertandingkan adalah hasil ciptaan ketiga, yang pertama dan kedua kurang memuaskan. Pensyarah turut membantu kami memenangi pertandingan itu, begitu juga Jakim yang bertindak sebagai pakar rujuk,"katanya.